

PENGGUNAAN JIN MENURUT ISLAM



ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008 PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24

PENGGUNAAN JIN MENURUT ISLAM

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyatakan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

1. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 13 Disember 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:
 - i. Bersahabat dengan jin dengan tujuan mendapat pertolongan dalam apa-apa perkara yang ditegah oleh Syarak adalah **haram**.
 - ii. Bekerjasama dengan jin dalam apa-apa perkara yang bertentangan dengan syarak adalah **haram**.
 - iii. Meminta pertolongan jin dalam rawatan perubatan sehingga membawa kepada syirik adalah **haram**.
 - iv. Meminta pertolongan jin untuk mendapatkan apa-apa perkara seperti kekayaan, kekuatan, kehebatan dan sebagainya adalah **haram**.
 - v. Meminta dan menggunakan khidmat jin untuk ilmu sihir atau nujum adalah **haram**.

2. Kesalahan:

Mana-mana orang yang tidak mematuhi perkara 1 (i), (ii), (iii), (iv) dan (v) adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

[(73) dlm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]

Tarikh Warta : 1 April 2021

Tarikh Keputusan : 13 Disember 2020